



FEMA

14 Oktober, 2021

DR-4615-NY NR 011

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: fema-dr4615ny@fema.dhs.gov

Hebahan Berita

Panduan untuk Merayu Keputusan FEMA

NEW YORK – Anda telah memohon bantuan bencana daripada FEMA setelah Taufan Ida melanda New York, dan anda telah menerima sepucuk surat. Anda tidak pasti apa yang tertulis, tetapi anda fikir ia berita buruk.

Biasanya, FEMA akan menghantar surat-surat tersebut apabila didapati permohonan anda tidak lengkap. Kemungkinan anda tidak menunjukkan bukti siapa diri anda, atau bukti anda memiliki rumah tersebut, atau bukti anda telah tinggal di rumah tersebut dalam tempoh sebahagian besar daripada tahun sebelum berlakunya Taufan Ida. Berikut ialah panduan untuk menulis surat rayuan keputusan daripada FEMA.

Anda Mempunyai 60 Hari untuk Menghantar Surat Rayuan kepada FEMA

Bahagian yang paling penting dalam proses rayuan ini adalah mengetahui tempoh untuk mengadu kes anda. Sila hitung 60 hari daripada tarikh yang dinyatakan FEMA dalam surat penentuan. Itu merupakan tarikh yang patut anda bulatkan pada kalendar untuk mengingatkan anda akan tarikh akhir bagi mengemukakan rayuan kepada FEMA. Perlu diingat bahawa setelah FEMA menerima surat anda, anda mungkin akan menerima panggilan telefon atau surat susulan untuk memperoleh matlumat lanjut.

Baca dengan Teliti Surat FEMA Sebelum Menulis Rayuan Anda

Anda perlu memahami mengapa FEMA menyatakan bahawa permohonan anda 'tidak memenuhi syarat', atau permohonan bantuan anda ditolak, atau FEMA menangguhkan keputusan permohonan anda. Sering kali, ini disebabkan oleh kehilangan dokumen atau maklumat. Baca surat FEMA daripada awal hingga akhir bagi membantu anda memahami apa yang dikehendaki oleh agensi.

Sertakan Bukti bagi Menyokong Permintaan Rayuan Anda

Surat rayuan anda sahaja tidak cukup untuk membolehkan pihak FEMA mempertimbangkan keputusan mereka. Anda perlu sertakan bukti bagi menyokong tuntutan yang dinyatakan dalam rayuan anda. Amatlah penting untuk menyertakan dokumen atau maklumat yang diminta FEMA. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu disertakan dalam surat anda:

- Satu salinan surat FEMA yang mengatakan bahawa permohonan bantuan anda ditolak, atau agensi tersebut belum dapat membuat keputusan.
- **Surat Insurans:** Syarikat insurans anda mungkin hanya memberi sebahagian kecil daripada apa yang anda perlukan untuk membaiki rumah anda, tidak mencukupi untuk membantu bagi mendapatkan tempat tinggal lain, mungkin juga tidak mencukupi untuk menggantikan barangan tertentu. Perlu diingat bahawa pihak FEMA tidak boleh memberi bantuan kewangan untuk sesuatu yang telah dibayar oleh pihak insurans anda.
- **Bukti penghunian:** Satu salinan bil utiliti, lesen memandu, penyata sewaan atau bank, dokumen sekolah tempatan, pendaftaran kenderaan bermotor atau surat majikan. Semua ini boleh digunakan untuk membuktikan bahawa tempat kediaman atau sewaan yang rosak itu merupakan kediaman utama anda. 'Utama' bermaksud anda telah tinggal di situ dalam tempoh sebahagian besar daripada tahun tersebut.
- **Bukti hak milik:** Dokumen gadai janji (mortgage) atau insurans; resit cukai atau surat ikatan (deed); resit penambahbaikan dan pembaikan yang besar sejak tahun 2016; atau dokumen mahkamah. Sekiranya dokumen anda hilang atau musnah, klik di www.usa.gov/replace-vital-documents untuk maklumat mengenai cara menggantikannya.
- **Anggaran dan resit:** Sertakan dokumentasi seperti resit membaiki rumah, anggaran pembaikan, anggaran kontraktor atau maklumat daripada syarikat insurans anda.

Tidak Boleh Menulis Surat Rayuan Sendiri? Dapatkan Seseorang untuk Menulisnya

- Sekiranya anda merupakan pemohon tetapi anda tidak boleh menulis surat rayuan anda sendiri, dapatkan bantuan daripada seseorang untuk menulisnya. Mereka boleh terdiri daripada seseorang yang tinggal serumah, rakan ataupun peguam. Namun pastikan beberapa panduan ini dipatuhi. Beritahu pihak FEMA, dalam pernyataan yang telah ditandatangani, bahawa penulis telah diberi kuasa untuk mengemukakan rayuan bagi pihak anda. Pihak pakar dari Talian Bantuan FEMA boleh memberi anda nasihat mengenai apa yang perlu disertakan dalam surat rayuan anda dan menyediakan maklumat mengenai banyak topik lain selain daripada rayuan.
 - Hubungi Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362 atau VRS (Video Relay Service). Talian dibuka daripada pukul 8 pagi hingga 7 malam tujuh hari seminggu.

Mel, Faks atau Muat Naik Surat Rayuan Anda; Jangan Lupa Sertakan Tanda Tangan dan Tarikh

- Anda mempunyai 60 hari daripada tarikh yang dinyatakan FEMA dalam surat penentuan anda untuk mel, faks atau muat naik surat rayuan anda sekiranya anda mahu FEMA mempertimbangkan semua keputusan pertama mereka. Sertakan tanda tangan dan tarikh pada surat rayuan anda. Juga jangan lupa sertakan sembilan-digit nombor permohonan FEMA pada setiap muka surat, nombor bencana anda (FEMA-4615-DR-NY), serta dokumen-dokumen yang boleh ditunjukkan sebagai bukti.

- Mel: FEMA National Processing Service Center, P.O. Box 10055, Hyattsville, MD 20782-8055
- Faks: 800-827-8112, Attention: FEMA
- Untuk membuat akaun dalam talian FEMA atau memuat naik dokumen dalam talian, pergi ke www.DisasterAssistance.gov, klik “Check Status” dan ikut arahan.

Apa Yang Boleh Anda Jangkakan Selepas Mengemukakan Surat Rayuan Anda

Anda telahpun menulis dan menghantar surat rayuan kepada FEMA dalam tempoh 60 hari selepas anda menerima surat penentuan. Apa tindakan seterusnya? Anda mungkin akan menerima panggilan telefon atau surat daripada FEMA yang meminta maklumat lanjut. Atau pihak FEMA mungkin akan menjadualkan satu lagi pemeriksaan di kediaman utama anda. Walau apa pun situasinya, sebaik sahaja anda menghantar surat rayuan kepada FEMA, anda boleh menjangkakan surat keputusan dalam tempoh 90 hari selepas pihak FEMA menerimanya.

Peringatan

- Individu berpendapatan rendah yang menghadapi masalah undang-undang akibat Taufan Ida bolehlah menghubungi talian bebas tol bagi mendapatkan nasihat: **888-399-5459**. Sekiranya anda memerlukan penyedia khidmat guaman untuk menghubungi anda, sila lengkapkan borang ini di <https://nysba.org/ida>. Contoh bantuan guaman yang disediakan termasuk:
 - bantuan jaminan manfaat kerajaan
 - bantuan kehidupan, perubatan dan tuntutan insurans harta benda
 - bantuan kontrak membaiki rumah dan kontraktor
 - penggantian wasiat dan dokumen guaman (legal) lain yang hilang atau musnah dalam bencana
 - masalah perlindungan pengguna seperti penindasan harga dan mengelakkan penipuan kontraktor semasa proses pembinaan semula.
 - kaunseling dan masalah penyitaan gadai janji
 - kaunseling mengenai isu pemilik rumah-penyewa
- Amatlah penting untuk diingat bahawa bantuan FEMA bukanlah pengganti insurans dan tidak boleh menampung semua kerugian yang disebabkan oleh bencana, ia bertujuan untuk memenuhi keperluan asas dan sebagai bantuan tambahan dalam usaha pemulihan bencana.
- Di sini disertakan cara bagaimana untuk memohon bantuan FEMA: Layari DisasterAssistance.gov, gunakan aplikasi mudah alih FEMA atau hubungi **Talian Bantuan FEMA di 800-621-3362 (VRS)**. Talian dibuka daripada pukul 8 pagi hingga 7 malam tujuh hari seminggu dan operator boleh menghubungkan anda dengan pakar yang boleh bertutur dalam bahasa anda.
- Sekiranya anda menggunakan perkhidmatan gantikan seperti **VRS** (video relay service), perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut.

- Anda juga boleh mengunjungi Pusat Pemulihan Bencana dan bertemu secara langsung dengan kakitangan FEMA dan wakil agensi persekutuan dan negeri lain yang dapat memberikan maklumat mengenai bantuan bencana. Untuk mencari pusat pemulihan berhampiran anda, layari [DRC Locator \(fema.gov\)](https://www.fema.gov/drc-locator).
- Tarikh tamat permohonan bantuan bencana FEMA adalah pada hari **Isnin, 6 Disember**.
- Untuk sumber dalam talian tambahan serta risalah FEMA yang boleh dimuat turun dan bantuan lain, layari [DisasterAssistance.gov](https://www.disasterassistance.gov) dan klik "Information."
- Untuk rujukan ke agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan khusus komuniti, hubungi 211 atau layari <https://www.211nys.org/contact-us>. Untuk penduduk New York City, hubungi 311.
- Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema.

#

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana.